

Fokus urus risiko banjir langkah terbaik elak bencana berulang

Oleh Dr Muhd Firdaus Che Musa dan Dr Rostam Iffendi Idris
bhrencana@bh.com.my

Banjir adalah bencana alam yang kerap berlaku seluruh dunia termasuk di Malaysia saban tahun. Fenomena ini berlaku apabila aliran sungai, kolam semula jadi atau tempat takungan air terganggu sehingga menyebabkan limpahan air.

Banjir memberi impak mutlak termasuk kehilangan nyawa, kerosakan bangunan dan struktur lain seperti jambatan, sistem pembetungan, jalan raya dan terusan yang dilaporkan mencecah kerugian lebih RM15 bilion baru-baru ini.

Berdasarkan temu bual eksklusif bersama 27 syarikat insurans serantau dan antarabangsa di ASEAN Insurance Pulse 2021, banjir menyebabkan kerugian hampir AS\$137 bilion (RM568 bilion) di sembilan negara ASEAN.

Malangnya, sebahagian kerugian tidak diinsuranskan dan jumlahnya melebihi 90 peratus membabitkan bencana ribut, banjir dan gempa bumi di negara membangun itu,

situasi serta puncanya untuk perancangan secara holistik demi kemaslahatan komuniti berbanding individu, sememangnya mampu menjimatkan sumber, tenaga dan nyawa.

Hasil kajian, banjir boleh berlaku disebabkan beberapa faktor seperti hujan berterusan dan sungai tidak dapat menampung kapasiti air. Proses pembandaran menyebabkan kawasan tanah rendah, lembah dan anak sungai yang menjadi kawasan tadahan banjir diusahakan untuk pembangunan serta menjadi punca utama bencana ini.

Selain itu, sistem perparitan tidak terancang dan diselai menyebabkan limpahan air serta banjir kilat. Hutan menjadi pengimbang ekosistem dunia yang terbaik. Hutan menyerap air hujan antara dua hingga 20 peratus, di mana air yang diserap dialirkan ke anak pokok melalui akar dan mampu merendahkan kadar suhu.

Pemusnahan hutan dan aktiviti pembalakan yang berleluasa menyebabkan air kurang diserap oleh tumbuhan dan mengalir terus ke sungai. Sungai tidak dapat lagi menampung hujan, lalu melimpahi sungai dan mengakibatkan banjir.

Jangan disalahkan Taufan Rai, hujan luar biasa, air pasang, pertembungan dua sungai mahupun kepala air, tetapi lihat kembali kepada pengimbang

Pendekatan kesihatan awam ini seharusnya dititikberatkan kerana keupayaan kesihatan masyarakat bergantung sepenuhnya kepada pelbagai faktor seperti di mana mereka tinggal, bekerja, bersosial dan meneruskan kehidupan harian dengan harmoni tanpa sebarang gangguan.

Dalam keadaan nasi sudah menjadi bubur ini, pengurusan dan bantuan mangsa banjir harus serta wajib difokuskan kerana keperluannya sangat mendesak. Koordinasi dijalankan melalui misi kemanusiaan dan prihatin rakyat menerusi media sosial, mampu mengurangkan tekanan emosi dan beban ekonomi rakyat.

Sehingga kini lebih RM5 juta sumbangan dan bantuan disalurkan masyarakat bagi membantu mangsa banjir di negeri yang terjejas. Persoalannya, di manakah titik noktah bantuan, terutama daripada rakyat buat rakyat ini?

Bagaimana pula kebergantungan dan sokongan daripada pihak kerajaan dalam membentuk dasar serta peraturan bagi memastikan bencana alam ini dapat diminimumkan?

Fokus seharusnya ditumpukan kepada pengurusan risiko bagi mengurangkan banjir dan bukan hanya pengurusan keselamatan serta kewangan bencana alam saban tahun.



Pensyarah Kanan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan, Pahang

termasuk Malaysia.

Sewaktu dan selepas banjir, kerosakan infrastruktur pengangkutan menyukarkan proses bantuan dan rawatan kepada mangsa terjejas. Atas dasar kemanusiaan, halangan ini tidak mematahkan semangat rakyat Malaysia yang berbilang kaum untuk berganding bahu membantu menyelamatkan mangsa yang ditimpa musibah.

Namun, persoalan berlegar kini adalah berbalokah pendekatan pada peringkat bawahan oleh rakyat dan kerajaan kini tanpa henti untuk mengim-bangi jumlah kemusnahan dan penindasan emosi rakyat jelata yang tidak terungki saban tahun tanpa berpaksikan pendekatan secara holistik, terutama peringkat atasan?

Oleh itu, terdapat keperluan kritikal untuk menga-lihkan fokus pengurusan bencana daripada peringkat bawahan (individu) kepada peringkat atasan (strategi pencegahan untuk seluruh komuniti) dengan tumpuan kepada golongan kurang bernasib baik.

Umpamanya, apabila seorang lelaki dan wanita sedang memancing di tebing sungai melihat seorang wanita bergelut dalam arus lalu mereka menyelamatkannya.

Tidak lama kemudian, mereka melihat seorang lelaki lain turut bergelut lalu menyelamatkannya juga. Ini berterusan sepanjang petang. Akhirnya, pasangan yang keletihan itu memutuskan ke hulu untuk mengetahui mengapa ramai orang jatuh ke sungai.

Di sepanjang pinggiran sungai, mereka dapati tiada tanda amaran atau halangan pelindung kepada pelawat. Pasangan itu kemudian menemui ketua masyarakat untuk melaporkan jumlah mangsa yang mereka selamatkan dan menjelaskan kurang langkah pencegahan terhadap permasalahan terbabit.

Pemimpin masyarakat akhirnya menyedari serta bersetuju mengkaji punca permasalahan, memasang pagar pelindung dan meletakkan tanda amaran. Persoalannya kini, adakah punca bencana banjir kita betul-betul disedari sepenuhnya oleh pemutus dasar di Malaysia?

Perspektif Islam dalam pengurusan bencana juga dapat dilihat dari tiga konsep iaitu, al-'ilm (ilmu), ikhtiar (usaha) dan tawakkal (bertawakkal kepada Allah).

Mencari dan mengaplikasi ilmu adalah keperluan asas bagi setiap Muslim. Langkah pencegahan mela-lui pendekatan kesihatan awam yang mengutamakan pendekatan peringkat atasan menerusi analisis profil

ekosistem dunia yang diganggu gugat oleh tangan manusia.

Bagaimanapun, profil keadaan dan punca banjir ini tidak dibincangkan secara mendalam. Pendekatan diambil pihak berkuasa lebih tertumpu pada peringkat bawahan dengan menyasarkan penyelesaian jangka masa pendek seperti memberi bantuan rambang atau membuka pusat pemindahan banjir sementara.

Walhal, sebagai penguasa serta pembuat dasar, mereka berhak membetulkan keadaan pada peringkat atasan serta menggunakan pelbagai strategi pencegahan mengurangkan risiko banjir untuk seluruh komuniti.



“ Pendekatan diambil pihak berkuasa lebih tertumpu pada peringkat bawahan dengan menyasarkan penyelesaian jangka masa pendek seperti memberi bantuan rambang atau membuka pusat pemindahan banjir sementara ”

